



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI BIL. 1/2020

YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi atau *Economic Action Council* (EAC) bagi tahun 2020 di Putrajaya pada 6 Januari 2020.

Tahun 2020 dijangka lebih mencabar ketika keadaan ekonomi dunia masih belum meyakinkan berikutan kemelut perang dagang Amerika Syarikat dan China yang berterusan serta situasi geopolitik serantau yang berpanjangan. Ketegangan di Timur Tengah juga dilihat boleh menjasaskan harga minyak mentah dunia yang akan memberi kesan kepada pengeluaran sektor tenaga. Situasi ini mengurangkan keyakinan pelabur untuk melabur di negara membangun, justeru memberi kesan kepada ekonomi Malaysia.

Dalam hubungan ini, Mesyuarat EAC ini telah membincangkan fokus utama yang perlu diberi perhatian bagi tahun 2020. Antara fokus utama tersebut melibatkan aspek peningkatan pelaburan, menangani isu pengangguran menerusi penambahbaikan kualiti graduan melalui program latihan *upskilling* dan *reskilling*, menangani isu kos sara hidup dan mengukuhkan produktiviti dan inovasi sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, bidang pertumbuhan ekonomi baharu seperti Revolusi Industri Ke-4 (4IR) dan teknologi kewangan (*fintech*) juga dibincangkan.

Seiring dengan usaha ke arah membangunkan ekonomi digital sebagai persediaan menghadapi era Revolusi Industri 4 (4IR), EAC juga telah memperhalusi cadangan berkaitan dengan pembangunan infrastruktur digital daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Antara isu yang dibincangkan adalah cadangan perkongsian infrastruktur yang bertujuan mengoptimumkan perbelanjaan sedia ada dan membolehkan perkhidmatan kesalinghubungan jalur lebar disediakan dalam masa yang lebih singkat. Bagi memastikan sasaran Pelan Gentian Optik Dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dapat dilaksanakan sepenuhnya, semua pihak termasuk syarikat pembekal perkhidmatan, kerajaan negeri, kementerian dan agensi yang berkaitan digesa untuk memberi kerjasama sepenuhnya.

**Urus Setia
Majlis Tindakan Ekonomi (EAC)
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

7 Januari 2020